

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA PERASMIAN PERSIDANGAN ISLAM DAN PERINDUSTRIAN

TEMPAT: BANK NEGARA MALAYSIA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 21 JAN 2002

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana atas limpah kurniaNya dapat kita berkumpul di majlis pagi ini untuk merasmikan Persidangan Islam dan Perindustrian.

2. Tajuk persidangan ini, iaitu Islam dan Perindustrian pada sesetengah orang Islam mungkin dianggap ganjil. Apakah ada industri Islam, atau industri yang bercorak Islam atau apakah industri-industri yang kita ketahui dan kita biasa dengannya boleh diIslamkan? Selama ini kita tidak mengambilkira mengenai industri sebagai sebahagian daripada sumbangan kepada agama Islam, atau kepada umat Islam atau kepada amalan agama Islam. Kita berpendapat bahawa tanpa industri kita boleh menjadi orang Islam, bahkan orang Islam yang baik. Sebenarnya di zaman Nabi Muhammad s.a.w. tidak pun ada industri seperti yang kita ketahui sekarang, tetapi Islam dapat diperkenal dan diperkembangkan. Justeru itu, apa perlunya kita mengaitkan industri dengan Islam? Bahkan apa perlunya industri?

3. Kita sering memandang industri sebagai sejenis perniagaan semata-mata. Kita menganggap perniagaan sebagai satu usaha untuk mencari keuntungan yang berlebihan di dunia. Lanjutan daripada itu kita menganggap pengusaha industri sebagai manusia yang tamak yang hanya menumpu kepada kehidupan mewah, yang mana ini biasanya dikaitkan dengan hidup tanpa agama. Kita juga percaya bahawa setiap usaha mencari harta kekayaan tentu ada melibatkan penipuan dan penyelewengan. Justeru itu, kita menganggap semua jenis industri sebagai tidak Islam atau memesongkan kita daripada membuat apa yang kita takrifkan sebagai ibadat dalam Islam.

4. Tetapi jika kita mengkaji industri daripada kacamata Islam yang sebenar, kita tentu akan mengakui bahawa industri itu adalah satu khidmat kepada masyarakat, kadang-kadang khidmat yang amat penting. Sementara khidmat ini boleh membawa keburukan jika disalahgunakan, khidmat ini juga berguna dan penting bagi agama dan amal ibadat dalam Islam.

5. Di zaman sebelum ada industri percetakan umpamanya, al-Quran terpaksa ditulis dengan tangan. Untuk ini pun industri membuat kertas diperlukan jika daun tidak mahu

digunakan sebagai bahan tulisan. Oleh kerana al-Quran terpaksa ditulis dengan tangan maka bilangannya sudah tentu tidak banyak. Kemungkinan semua salinan yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat termusnah akibat peperangan atau malapetaka atau kebakaran amatlah besar. Justeru itu, diwajibkan penghafalan al-Quran supaya teks al-Quran tidak akan hilang kerana kejadian-kejadian yang disebutkan tadi.

6. Apabila alat pencetak dicipta, ada ulama membuat fatwa bahawa mencetak al-Quran adalah ditegah oleh agama. Fatwa ini dipengaruhi juga oleh penulis yang kkuatir mata pencarian mereka akan terhapus jika al-Quran dicetak.

7. Oleh kerana fatwa ini, buat beberapa abad ramai umat Islam bahkan guru-guru agama dan pegawai-pegawai agama tidak dapat memiliki al-Quran atau membacanya. Sebaliknya kemudian, apabila fatwa menegah percetakan al-Quran ditolak, umat Islam begitu mudah memiliki dan mempelajari ajaran-ajaran Islam yang terdapat di dalam al-Quran. Dengan ini pengetahuan tentang ajaran agama Islam meningkat di kalangan umat Islam. Hari ini kita tidak terfikir sesiapa boleh membuat fatwa melarang mencetak al-Quran. Tetapi akibat daripada pandangan yang silap, fatwa ini dibuat. Demikian juga dengan industri. Kerana pandangan terhadapnya silap, maka ianya tidak mendapat tumpuan dan sokongan daripada sudut keagamaan.

8. Demikian kesan baik kepada Islam daripada suatu industri, iaitu industri percetakan. Benar, industri percetakan boleh membawa keburukan -- umpamanya dengan mencetak bahan lucah. Tetapi yang salah bukan industri percetakan. Yang salah ialah orang yang mengusahakannya. Jika semua ciptaan baru dalam industri ini dibuat oleh orang Islam yang sedar bahawa industri adalah suatu khidmat kepada masyarakat, maka mungkin mereka dapat mencipta cara-cara bagi mencegah penyalahgunaan industri ini. Umpamanya jika kepakaran dalam bidang merekabentuk dan mengeluarkan alat-alat percetakan dimiliki hanya oleh orang Islam, maka mereka akan dapat membekalkannya dengan bersyarat atau tidak membekalkannya langsung kepada orang yang diketahui berniat buruk. Demikianlah apabila negara-negara Islam dibekalkan dengan senjata oleh orang lain, penggunaan senjata ini tidak lagi bebas, tetapi adalah bersyarat.

9. Tanpa industri banyak lagi ibadat sukar dilakukan. Industri penenunan kain penting untuk kesempurnaan bersembahyang, bahkan untuk menutup aurat. Pesawat terbang hasil ciptaan dan usaha industri 'aero-space' telah membolehkan lebih ramai orang Islam menunaikan fardu haji. Industri pembinaan membolehkan kita berjemaah di masjid yang boleh menampung bilangan umat Islam yang semakin ramai. Pendekata tidak ada industri yang tidak memberi khidmat kepada umat Islam dalam amal ibadat dan kehidupan secara Islam.

10. Satu kewajipan bagi masyarakat Islam ialah membuat persediaan untuk pertahanan. Di zaman Nabi alat peperangan

bermaksud kuda dan pedang. Dan di zaman Nabi memang pun ada industri membuat pedang dan menternak kuda perang.

11. Persediaan untuk pertahanan di zaman ini memerlukan industri pertahanan yang sesuai dengan teknologi pertahanan moden. Segala ciptaan, pengeluaran dan perbekalan alat-alat pertahanan ini adalah kewajipan bagi mereka yang berpegang kepada ajaran al-Quran. Industri pertahanan amatlah penting bagi umat Islam. Tetapi kerana umat Islam tidak memberi tekanan kepada industri, maka industri pertahanan yang canggih tidak dapat diadakan. Yang perlu diingat ialah industri senjata tidak boleh wujud tanpa beribu-ribu jenis industri lain. Bermacam-macam ilmu dan keupayaan industri diperlukan untuk mencipta dan mengeluarkan senjata, kenderaan darat, laut dan udara, bahkan angkasa lepas.

12. Hari ini kita lihat dengan sedihnya pembunuhan, penyiksaan dan pencabulan wanita dilakukan terhadap ribuan orang Islam di Bosnia. Tidak ada suatu pun yang boleh dibuat oleh seribu juta orang Islam kerana tidak ada negara Islam yang berkemampuan daripada segi ketenteraan yang canggih dan kuat. Ini semua berpunca daripada pandangan serong terhadap industri dan anggapan bahawa kemajuan industri tidak ada kena-mengena dengan Islam. Pengusaha industri tidak dimuliakan oleh masyarakat Islam atau diiktiraf sebagai penyumbang kepada kesejahteraan Islam.

13. Semasa Turki menjadi kuasa dunia yang menakluk sebahagian besar Eropah Timur, proses pemodenan tentera Turki terhalang kerana bantahan ulama terhadap pakaian seluar panjang oleh tentera. Perkara titik-bengik seperti ini dibahaskan bertahun-tahun oleh tokoh-tokoh agama semasa serangan ke atas Empayar Turki meningkat. Hari ini soal seluar panjang tidak lagi menjadi masalah. Sesiapa sahaja boleh memakainya. Kita tidak menjadi tidak Islam kerana memakai seluar Barat. Tetapi masa dan pemikiran yang dihabiskan kerana membahaskan masalah ini telah menghalang proses pemodenan tentera Turki dan industri pertahanan mereka sehingga mereka kehilangan wilayah. Sedikit sebanyak nasib rakyat Bosnia-Herzegovina hari ini disebabkan oleh polemik seluar yang melemahkan tentera Turki. Akhirnya pegawai-pegawai tentera Turki begitu kecewa dengan sikap tokoh-tokoh agama sehingga mereka mengasingkan agama daripada pemerintahan. Dengan itu terbentuklah pemerintahan yang dikatakan 'secular'. Ramai orang Islam yang mengecam kumpulan pegawai tentera Turki yang dipanggil "Young Turks" kerana kononnya memilih sistem pemerintahan 'secular'. Tetapi sebelum mereka dikecam, mereka perlu ingat bahawa pada masa itu Kerajaan Sultan Turki begitu lemah sehingga kuasa-kuasa Barat telah merancang untuk membahagi-bahagikan Turki di kalangan mereka. Hanya tindakan dan keberanian "Young Turks" ini sahajalah yang berjaya menyelamatkan Turki. Dengan itu Turki termasuk wilayahnya di benua Eropah terselamat sebagai negara Islam.

14. Apakah relevannya sejarah Turki dengan Islam dan industri? Relevannya ialah umat Islam kerap terpesong oleh

perkara-perkara titik-bengik sehingga terlupa akan masalah dan kewajiban yang lebih besar. Kita kerap menumpu kepada isu-isu remeh-temeh, tetapi isu yang besar seperti kebolehan umat Islam dalam industri tidak dipedulikan. Industri yang diada dan diuruskan semata-mata untuk kekayaan tanpa memikirkan khidmat kepada masyarakat memang tidak begitu baik. Tetapi pengusaha Islam boleh juga mengutamakan aspek khidmat kepada masyarakat yang boleh diberikan oleh industri. Keuntungan boleh dinikmati tetapi keuntungan juga perlu dibelanjakan untuk penyelidikan dan pembangunan supaya khidmat yang diberi oleh industri itu bertambah baik dan lebih murah. Dengan cara melaburkan keuntungan ini, lebih banyak lagi keuntungan boleh diperolehi. Tetapi di samping itu, khidmat juga akan bertambah baik. Ini tidak bermakna bahawa industri untuk orang Islam patut menjadi 'charity'. Keuntungan yang halal dan berpatutan tidak ditegah oleh agama. Tetapi aspek khidmat boleh diutamakan. Dengan ini industri akan lebih mudah diterima oleh masyarakat Islam. Walau apa pun pendirian orang Islam terhadap industri, kita harus ingat bahawa industri yang dikuasai oleh orang bukan Islam walaupun tidak mempunyai tujuan agama, tetapi industri mereka membolehkan mereka menghancurkan orang Islam. Lihatlah keadaan yang berlaku di Bosnia dan di Asia Barat.

15. Industri tetap memainkan peranan sebagai pembekal khidmat yang diperlukan oleh masyarakat. Tidak akan ada industri yang berjaya jika ianya tidak membekalkan sesuatu yang diperlukan oleh masyarakat. Pengusaha makanan tidak kurang pentingnya daripada pengusaha industri berat atau industri canggih. Jika kita dapat melihat industri dari sudut ini, iaitu dari sudut pembekal khidmat, maka peranan industri bagi umat Islam dan agama Islam menjadi lebih mudah difahami dan disokong. Sebenarnya orang Islam yang mengusahakan industri akan lebih sedar akan kaitannya dengan agama jika mereka menganggap industri mereka sebagai satu khidmat kepada masyarakat dan agama. Dengan menganggap industrinya sebagai satu khidmat, maka usahanya akan ditumpukan bukan semata-mata kepada keuntungan besar dan kekayaan, tetapi juga kepada kualiti dan nilai khidmat yang diberikan. Jika ahli-ahli perusahaan Islam mempunyai sifat dan pendekatan seperti ini terhadap industri, tidak dapat tidak, industri mereka akan menjadi lebih maju, berkualiti dan memperolehi keuntungan. Kenapa tidak? Barangan yang dikeluarkan oleh pengusaha Islam, yang ingin memberi khidmat yang baik di samping mencari keuntungan, tetap canggih, bermutu dan berpatutan harganya. Pelanggan tentu akan lebih suka membeli barangan yang memenuhi kehendak dan citarasa mereka. Menganggap industri sebagai khidmat bukan sahaja lebih secocok dengan pandangan agama Islam terhadap usaha dan harta kekayaan, bahkan juga lebih memungkinkan kejayaan.

16. Jika kita menerima industri sebagai khidmat kepada umat dan agama, saya yakin minat umat Islam terhadap industri akan meningkat. Dengan ini berbagai-bagai jenis industri, kajian, tuntutan ilmu pengetahuan dan pembentukan sikap yang mulia akan maju di negara-negara Islam dan di kalangan orang Islam. Insha-Allah dengan ini juga negara Islam dan umat

Islam akan lebih maju dan berjaya serta dapat menentukan agama Islam dan umat Islam lebih dihormati.

17. Memandang dari sudut ini, Persidangan ini amatlah penting dan kena pada masanya. Umat Islam harus memandang industri sebagai satu alat untuk memperkuat umat Islam dan negara-negara Islam supaya mereka lebih dihormati dan lebih mampu mempertahankan diri mereka. Umat Islam yang daif tidak dapat menyumbang sebarang kebaikan kepada agama Islam. Sebaliknya penguasaan segala industri serta beribu-ribu jenis ilmu yang diperlukan untuk industri akan menjadikan umat Islam dan agama Islam lebih dihormati.

18. Pandangan dan sikap orang Islam yang negatif terhadap industri bukan sahaja tidak menguntungkan tetapi juga sebenarnya bertentangan dengan agama Islam dan ajaran-ajaran Islam. Sudah tiba masanya bagi umat Islam untuk membentuk sikap dan pendekatan yang betul-betul Islam terhadap industri.

19. Saya berharap Persidangan ini dapat menentukan sikap umat Islam terhadap perindustrian yang secocok dengan Islam. Jika sikap ini dapat ditentukan, maka berbagai-bagai usaha dapat dilakukan untuk memastikan umat Islam memiliki dan menguruskan industri dengan berkesan dan memanfaatkan agama dan umat.

20. Dengan ini, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Islam dan Perindustrian ini.
Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.